



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN MERASAI KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2014

LABUAN, 15 Februari 2014 – Hari Wilayah Persekutuan disambut pada 1 Februari setiap tahun bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) pada tahun ini adalah “**Wilayah Persekutuan Ceria**” (*Cheerful Federal Territories*).

2. Sempena dengan SHWP 2014, pelbagai program kemasyarakatan dianjurkan untuk warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Antaranya adalah Forum Perdana Ehwat Islam yang diadakan di Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kampong Bharu, Kuala Lumpur pada 6 Februari 2014 yang mendapat sambutan daripada 5000 orang warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Konvoi Berbasikal 1 Wilayah Persekutuan turut mendapat sambutan yang cukup menggalakkan dan telah disertai oleh 6010 orang peserta pada 9 Februari 2014 yang berkayuh sejauh 50 km dari Putrajaya ke Stadium Bukit Jalil serta kembali semula ke Putrajaya. Selain daripada itu, pihak Kementerian juga menganjurkan Kenduri 1 Wilayah Persekutuan yang diadakan pada setiap hujung minggu di setiap kawasan parlimen bermula dari 8 hingga 23 Februari 2014. Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan ini telah dilaksanakan di Parlimen Cheras, Bandar Tun Razak, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju. Manakala Kenduri 1 Wilayah Persekutuan bagi Parlimen Seputeh dan Lembah Pantai akan diadakan pada 22 Februari 2014. Bagi Parlimen Labuan, Putrajaya, Kepong, Segambut, Bukit Bintang dan Batu akan diadakan pada 23 Februari 2014 dengan kerjasama masyarakat tempatan dalam mengeratkan silaturrahim dikalangan komuniti.

3. SHWP 2014 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan pada kali ini dihadiri oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor dan isteri YBhg. Datin Seri Utama Anggraini Sentiyaki serta mantan YB Menteri

Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar iaitu Datuk Seri Utama Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin. Ianya merupakan satu pengiktirafan yang sangat besar kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan dalam bersama-sama menjayakan SHWP pada tahun ini. Malam SHWP 2014 pada kali ini adalah untuk memberi peluang kepada semua warga Labuan dalam bersama-sama menjayakan dan merasai kemeriahan program-program SHWP 2014. Selain daripada itu, Labuan Duathlon Challenge 2014 iaitu sukan berlari dan berbasikal merupakan sukan berskala besar yang julung-julung kali diadakan bersempena dengan SHWP. Program ini akan disertai kira-kira 150 orang peserta tempatan dan luar negara untuk berlari sejauh 10 km dan berbasikal sejauh 35 km.

4. Diharapkan pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan dan program-program sukan sempena SHWP 2014 ini akan dapat memberikan manfaat yang besar kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Labuan dalam usaha memupuk semangat perpaduan dan kerjasama di antara satu sama lain. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan dan juga tema SHWP 2014 iaitu Wilayah Persekutuan Ceria dalam melahirkan masyarakat Wilayah Persekutuan yang sentiasa cergas, ceria dan bersemangat.

Disediakan oleh:
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA
15 Februari 2014